

PruBSN iTEKAD PROTECTION

Memperkasakan kehidupan, melindungi masa hadapan



Ini adalah imej janaan AI

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Ahli PIDM

PELANGGAN DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT DI LAMAN WEB KAMI SEBELUM MELANGGAN / MENYERTAI MANA-MANA PRODUK / PERKHIDMATAN / KEMPEN / PROMOSI

PENGENALAN

Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) melalui program iTEKAD terus komited membantu ribuan rakyat Malaysia memulakan perniagaan dan membina masa depan yang lebih terjamin.

Menerusi kerjasama strategik bersama Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN), program ini diperkasa dengan penyediaan perlindungan takaful khusus kepada usahawan mikro bagi membantu mereka menghadapi sebarang musibah yang mungkin mengganggu urusan perniagaan harian mereka.

PruBSN iTEKAD Protection adalah pelan perlindungan Takaful berkelompok patuh Syariah yang menyediakan manfaat sekaligus sekiranya berlaku kematian bukan atau akibat kemalangan dan elaun harian kemasukan di hospital akibat kemalangan.

Pelan ini diuruskan secara eksklusif oleh Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN).

MANFAAT UTAMA

Pelan Takaful Mampu Milik

Pelan perlindungan takaful berkelompok patuh Syariah.

Sumbangan mampu milik serendah RM10, dengan sebahagian sumbangan ditaja oleh Geran Kerajaan (Bank Negara Malaysia), BMMB, dan PruBSN.

Perlindungan Hayat daripada Ketidakpastian Hidup

Perlindungan selama 1 tahun terhadap:
(a) kematian bukan akibat kemalangan **,
(b) dua kali ganda (2x) perlindungan sekiranya kematian berlaku akibat kemalangan.

Elaun Harian Kemasukan di Hospital Kerajaan Akibat Kemalangan

RM50 sehari

Kemasukan ke hospital boleh menyebabkan kehilangan sumber pendapatan, elaun ini membantu Ahli yang Dilindungi fokus kepada pemulihan tanpa tekanan kewangan.

Mudah

Proses permohonan yang ringkas dan tiada pemeriksaan perubatan diperlukan.

**Tuntutan kematian bukan akibat kemalangan tertakluk kepada tempoh menunggu selama 4 bulan.

MANFAAT, TEMPOH PERLINDUNGAN DAN KELAYAKAN

Perlindungan
Yang
Ditawarkan

Manfaat Kematian
Bukan Akibat
Kemalangan

RM10,000

(Manfaat ini tidak akan dibayar dalam
Tempoh Menunggu selama 4 bulan)

Manfaat
Kematian Akibat
Kemalangan

RM20,000

Elaun Harian Kemasukan
di Hospital Kerajaan**
Akibat Kemalangan

RM50 sehari

(Terhad kepada RM700 atau maksima 14 Hari)

Tempoh
Perlindungan

12 Bulan


Kelayakan

Individu berumur 19 hingga 50 tahun (pada hari lahir akan datang) daripada usahawan mikro Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) yang layak

Tertakluk terma & syarat

**Sila layari www.moh.gov.my untuk senarai hospital kerajaan

BAGAIMANA PRODUK INI BERFUNGSI



TAKAFUL PELENGKAP BANTUAN ITEKAD

NILAI TAMBAH BAGI USAHAWAN MIKRO BANK MUAMALAT



CELIK KEWANGAN



TAKAFUL SEBAGAI INSTRUMEN PENGURUSAN RISIKO

- Penggantian pendapatan
- Melunaskan hutang
- Sebagai bantuan kewangan segera kepada waris yang ditinggalkan
- Aset mudah cair
- Hibah Bersyarat melalui Penamaan Takaful



PENAMAAN DIPERMUDAHKAN

1



Ahli yang Dilindungi dengan PruBSN iTEKAD Protection akan menerima SMS yang memaklumkan mereka untuk melayari laman sesawang PruBSN iTEKAD Protection di laman web korporat Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB).

2



Ahli yang Dilindungi dengan PruBSN iTEKAD Protection perlu pergi ke laman web tersebut, (www.muamalat.com.my) secara manual melalui pelayar internet.

3



Ahli yang Dilindungi dengan PruBSN iTEKAD Protection dinasihatkan agar memuat turun borang penamaan daripada laman sesawang Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) bagi memastikan kelancaran proses tuntutan.

4



Isi borang penamaan dan hantar borang penamaan yang lengkap ke mana-mana cawangan PruBSN/Prudential atau e-mel kepada customer.microtakaful@prubsn.com.my

5



Jika anda perlukan pertolongan lanjut untuk mengisi borang penamaan, anda boleh:

- Kunjungi mana-mana cawangan PruBSN/Prudential; atau
- Hubungi Khidmat Pelanggan kami di 03 2775 7188
- E-mel kepada customer.microtakaful@prubsn.com.my



PROSES MEMBUAT TUNTUTAN

-  Kunjungi mana-mana **cawangan PruBSN/Prudential** **01**
-  Sediakan **dokumen-dokumen** berikut:
 - a. Sijil Kematian (Yang Disahkan)
 - b. Salinan Kad Pengenalan Penuntut (berwarna)
 - c. Laporan Polis
 - d. Borang tuntutan beserta butiran e-kredit
 - e. Sijil Perawat Perubatan
 - f. Salinan surat discaj yang diperakui**02**
-  Sertakan **maklumat* peribadi pihak yang menuntut** dan **nombor akaun bank** Untuk tuntutan Kematian secara Semulajadi atau Kematian akibat Kemalangan: Butiran peribadi penama atau butiran peribadi penuntut **03**
-  Serahkan borang tuntutan beserta dokumen-dokumen sokongan yang telah lengkap seperti yang disenaraikan di atas ke mana-mana **cawangan PruBSN/Prudential** atau e-mel kepada **customer.microtakaful@prubsn.com.my** **04**
-  Tuntutan akan diproses dalam tempoh **lima (5) hari bekerja untuk Manfaat Kematian** dan **tujuh (7) hari bekerja untuk Elaun Harian Kemasukan di Hospital Kerajaan Akibat Kemalangan**.
(Tempoh proses adalah dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap) **05**
-  **Semak status tuntutan anda** melalui saluran berikut:
 - a. Hubungi Khidmat Pelanggan kami 03 2775 7188; atau
 - b. E-mel kepada **customer.microtakaful@prubsn.com.my****06**

- a. Pembayaran tuntutan akan dibayar kepada penama seperti yang terkandung di dalam borang penamaan yang telah dihantar. Jika tuntutan dibuat tanpa borang penamaan, bayaran tuntutan akan dibayar kepada waris mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA 2013).
- b. Senarai dokumen tuntutan adalah tidak terhad seperti di atas dan sebarang dokumen tambahan perlu dilampirkan (jika perlu).
- c. Sila e-mel **customer.microtakaful@prubsn.com.my** untuk sebarang pertanyaan mengenai proses tuntutan dan penamaan.

SUMBANGAN, CAJ DAN PENOLAKAN



*Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang diwajibkan oleh Kerajaan Malaysia dan jumlah cukai akan dibayar oleh BSN.


PERKHIDMATAN NILAI TAMBAH

Perkhidmatan sokongan kesihatan mental percuma* kepada Ahli yang Dilindungi dengan PruBSN iTEKAD Protection dengan mudah menerusi aplikasi *Intellect*.






*Ketersediaan perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada semakan semula PruBSN pada masa hadapan

PENDAFTARAN APLIKASI INTELLECT






atau



1 Muat Turun Aplikasi *Intellect*

2 Sila Tekan *I'm New Here*

3 Sila Tekan *As an individual*



4 Sila Masukkan **Kod** yang telah diberi

5 Sila pilih bahasa pilihan anda dan daftar menggunakan ID yang disediakan

NOTA PENTING

1. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak antara anda dan PruBSN. Ciri-ciri penting serta terma dan syarat pelan ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Lampiran Keterangan Produk dan Ringkasan Sijil Induk, yang boleh diakses di laman rasmi BMMB.
2. Risalah ini diterbitkan hanya untuk maklumat dan tidak berkaitan dengan matlamat-matlamat kewangan, situasi dan keperluan mana-mana individu tertentu.
3. Dalam risalah ini, Umur merujuk kepada Umur pada Tarikh Lahir akan Datang, melainkan dinyatakan sebaliknya.
4. PruBSN iTEKAD Protection adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta'awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru'* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang akan dibayar apabila berlaku peristiwa yang telah dipersetujui. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-*Wakalah*.
5. Sebarang lebih daripada Dana *Tabarru'* (jika ada) akan diagihkan kepada Pemegang Sijil Induk dan PruBSN secara 50:50, dan kedua-duanya akan menyalurkan bahagian masing-masing untuk menyokong perlindungan berterusan kepada lebih ramai peserta PruBSN iTEKAD Protection pada masa hadapan.
6. Anda harus memastikan anda berpuas hati bahawa pelan ini dapat memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah sijil ini adalah amaun yang anda mampu.
7. Ahli yang Dilindungi boleh membatalkan pelan ini dengan mengemukakan permintaan bertulis kepada kami atau melalui BMMB berserta butiran pengenalan diri dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh mula perlindungan, PruBSN kemudiannya akan mengembalikan sumbangan yang telah dibayar untuk perlindungan takaful.
8. Pembaharuan perlindungan adalah tidak dijamin. Ahli yang Dilindungi yang layak mesti memohon semula pembaharuan perlindungan sebelum perlindungan semasa mereka tamat. Setelah pembaharuan, Tempoh Menunggu empat (4) bulan akan terpakai sekali lagi untuk Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan jika sumbangan tidak diterima oleh PruBSN dalam tiga puluh (30) hari selepas perlindungan sebelumnya tamat.

PENGECUALIAN

Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan sekiranya kematian adalah:

- a) Jika Ahli yang Dilindungi bunuh diri, sengaja atau tidak sengaja, semasa siuman atau tidak siuman dalam 12 bulan pertama dari tarikh mula perlindungan;
- b) Jika Ahli yang Dilindungi meninggal dunia bukan dari apa-apa bentuk sakit atau penyakit yang berpunca bukan akibat kemalangan dalam empat (4) bulan pertama dari tarikh mula perlindungan.
- c) Jika sijil diperbaharui, Tempoh Menunggu empat (4) bulan hendaklah digunapakai sekiranya bayaran sumbangan tidak diterima oleh PruBSN dalam tiga puluh (30) hari selepas tarikh tamat perlindungan.

Manfaat Kematian Akibat Kemalangan

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian Akibat Kemalangan, jika mana-mana kejadian berikut yang melibatkan Ahli yang Dilindungi berlaku:

- a) pengambilan dadah atau narkotik atau selain daripada yang ditetapkan untuk perubatan oleh Doktor atau Pakar Perubatan yang bertauliah;
- b) pengaruh atau penyalahgunaan dadah atau narkotik atau alkohol atau penyalahgunaan stimulator;
- c) kemabukan dadah atau narkotik atau alkohol; atau
- d) memandu kenderaan atau menunggang motosikal di bawah umur minimum yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan atau memandu atau menunggang tanpa lesen memandu yang sah yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian akibat Kemalangan sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- a) peperangan atau sebarang tindakan peperangan atau penaklukan atau tindakan keganasan musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi, kebangkitan kuasa atau ketenteraan atau rampasan kuasa, pengambilan bahagian secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam;
- b) mana-mana pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penahanan;
- c) percubaan melakukan kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas atau melakukan apa-apa kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas;
- d) bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri semasa waras atau tidak waras; atau
- e) kehamilan, kehamilan sekarang dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan yang berkaitan impoten atau pensterilan;
- f) penglibatan atau mengambil bahagian dalam aktiviti sukan professional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan Kami memberi persetujuan melalui endorsan khas; atau
- g) apa-apa bentuk sakit atau penyakit yang berpunca bukan akibat kemalangan.

Elaun Harian Kemasukan di Hospital Kerajaan Akibat Kemalangan

PruBSN tidak akan membayar Elaun Harian Kemasukan di Hospital Kerajaan Akibat Kemalangan sekiranya kemalangan Ahli yang Dilindungi adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- a) sebarang Keadaan Sedia Ada atau sebarang kecederaan akibat kemalangan yang berlaku sebelum tarikh mula perlindungan; atau
- b) apa-apa bentuk sakit atau penyakit yang berpunca bukan akibat kemalangan; atau
- c) sebarang gigitan serangga termasuk gigitan nyamuk dan kecacingan yang berlaku; atau
- d) Khatan, pemeriksaan mata, pembetulan rabun dekat dan/atau rabun jauh atistigmatisme melalui cermin mata, kanta dan pembiasaan atau pembedahan (Keratotomi radial atau Lastik) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alas prostetik luaran atau alat perubatan tidak terhad kepada anggota tiruan, semua jenis alat bantuan pendengaran, radas koklea, perentak jantung luaran, preskripsinya, pembedahan kosmetik elektif atau plastik kecuali pembedahan rekonstruktif untuk memulihkan fungsi selepas kecederaan kemalangan; atau

- e) sebarang keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang sihat (gigi patah yang disebabkan oleh mengunyah objek yang keras tidak dikira sebagai kecederaan akibat kemalangan) yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Perlindungan; atau
- f) sebarang pembedahan tinjauan atau eksperimen atau sebarang prosedur elektif lain termasuk ubat-ubatan dan/atau teknologi/prosedur perubatan bukan konvensional, yang belum dibuktikan berkesan berdasarkan amalan perubatan yang ditetapkan, dan yang belum diluluskan oleh badan yang diiktiraf di dalam negara di mana Ahli yang Dilindungi menerima rawatan; atau
- g) sebarang penjagaan peribadi (dengan pengecualian bagi manfaat yang disediakan di bawah Penjagaan oleh Jururawat Di Rumah) rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi (termasuk tetapi tidak terhad kepada alkohol dan dadah), pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Kompleks yang Berkaitan AIDS (ARC) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dan penyakit berkaitan HIV serta semua penyakit kelamin; atau
- h) sebarang rawatan atau prosedur yang berkaitan dengan mengandung atau bersalin dan komplikasi, kehamilan, sekarang dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan (termasuk sebarang pengguguran yang dijalankan kerana sebab psikologi atau sosial, dan sebarang kesan dari mana-mana prosedur ini) dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketidaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan (dengan pengecualian bagi manfaat yang disediakan di bawah Komplikasi Kehamilan, jika berkenaan); atau
- i) pemeriksaan perubatan rutin atau rundingan, kemasukan ke Hospital terutamanya untuk tujuan siasatan, Diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis sesuatu Hilang Upaya yang dilindungi atau apa-apa rawatan yang dianggap tidak perlu dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh seorang Pakar Perubatan, dan rawatan-rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan; atau
- j) bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman; atau
- k) sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh peperangan atau sebarang tindakan peperangan atau serangan atau perbuatan permusuhan musuh asing (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi atau ketenteraan atau rampasan kuasa atau bergiat aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata sebarang pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau tindakan menentang penahanan, serta penglibatan lansung dalam rusuhan, mogok dan kekacauan awam atau pemberontakan; atau; atau
- l) sebarang radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear; atau
- m) sebarang siasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, rawatan untuk keperluan yang berlebihan, terapi penggantian hormon, terapi sel induk (selain daripada untuk gangguan darah hemopoietik), terapi oksigen hiperbarik, perundingan dan rawatan jururawat dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain; atau
- n) sebarang psikiatrik, gangguan mental atau saraf dan keadaan yang disebabkan oleh penyakit nyanyuk (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya); atau
- o) sebarang sakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada selam skuba, terjun bungee, meluncur-gantung, belon panas, penerjunan, terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, atau berlesen membawa penumpang-operasi pesawat komersil pada laluan berjadual tetap, melainkan Kami bersetuju berbeza dalam pengendorsan khas; atau
- p) sebarang jagaan atau rawatan yang tidak membawa kepada pemulihan, pengekalan keadaan Ahli yang Dilindungi atau pemulihan kepada keadaan kesihatan Ahli yang Dilindungi yang sebelumnya.

APAKAH ITU TAKAFUL?

“Suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya Ahli yang Dilindungi Takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada Ahli yang Dilindungi Takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu”.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

Takaful diambil daripada istilah Arab ‘*kafala*’ yang bermaksud “**Jaminan bersama**” atau “**Menjamin antara satu sama lain**”.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek kebersamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama. Apabila seorang individu terlibat dalam pelan takaful, individu tersebut bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan para Ahli yang Dilindungi lain untuk menyumbang bersama dan membantu antara satu sama lain.

PERTOLONGAN BERSAMA

PERLINDUNGAN BERSAMA DARIPADA KERUGIAN

TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Secara intipatinya, takaful adalah berasaskan prinsip “*Ta`awun*” (kerjasama/pertolongan bersama) di mana penglibatan penyertaannya adalah bersifat *Tabarru`at* (kebajikan).

PruBSN iTEKAD Protection adalah produk yang patuh Syariah.

Pelan ini ditaja jamin oleh:

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

(No. Syarikat 200601020898 (740651-H))

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Tel: 03 2775 7188

E-mel: customer.microtakaful@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my



SMS **PruBSN** dan hantarkan ke **33080**



www.facebook.com/prubsn



www.instagram.com/prubsn_official



www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

PENTING: Anda harus memastikan anda berpuas hati bahawa pelan ini dapat memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah sijil ini adalah amaun yang anda mampu.

Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan Disember 2025.